

**M**ELIHATKAN kemusnahan dan kerosakan yang dibawanya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melihat isu banjir yang melanda banyak kawasan di negara ini harus ditangani dengan berkesan. Ini ditambah dengan sepanjang Oktober hingga Januari adalah tempoh di mana Malaysia menerima taburan hujan yang agak tinggi.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dipertanggungjawabkan terhadap usaha ini melalui pelaksanaan projek tebatan banjir di seluruh negara yang menjadi salah satu Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) NRE.

Melalui apa yang dilakukan, JPS mensasarkan jumlah penduduk terjejas akibat banjir akan dapat dikurangkan dengan mendadak menjelang akhir tahun ini.

Kira-kira 9 peratus daripada jumlah keluasan negara terdedah kejadian banjir. Jumlah ini berkurangan secara ketara dengan siapnya projek tebatan banjir dalam tempoh ditetapkan.

Berdasarkan kajian dijalankan JPS, jumlah bilangan orang menetap di kawasan berisiko banjir dianggarkan seramai 4.82 juta dan purata kerosakan banjir tahunan adalah kira-kira RM915 juta.

Bagi tahun ini, NRE membelanjakan sebanyak RM1 bilion untuk melaksanakan 57 projek tebatan banjir yang

# Rakyat raih manfaat projek tebatan banjir



**PEMBINAAN** terowong SMART berkesan dalam mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur.

akan memberi manfaat kepada 0.4 juta orang.

Tahun lalu, sebanyak 42 projek tebatan banjir dilaksanakan dengan kos sebanyak RM1.7 bilion yang memberikan kelegaan kepada 1.7 juta penduduk yang menetap di kawasan berisiko banjir di seluruh negara.

Projek tebatan banjir merangkumi komponen seperti melebar dan mendalamkan sungai, pemasangan pam, pembinaan kolam takungan,

pintu kawalan banjir, pengalihan banjir dan menaik taraf sistem saliran.

Dengan siapnya projek berkenaan, nyawa dan harta benda penduduk dapat dilindungi dan ini membantu mewujudkan aktiviti berasaskan ekonomi di kawasan berkenaan. Rakyat turut menyaksikan peningkatan nilai hartanah seperti rumah kediaman dan bangunan komersial di kawasan terbabit.